



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TAJUK : “KEAMANAN NEGARA DIPELIHARA BERSAMA”

27 MAC 2015M / 6 JUMADA AL-AKHIRAH 1436H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا لَقِيتُمْ فِئَةً فَاثْبُتُوا وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ

تَفْلِحُونَ ﴿٤٥﴾ (al-Anfal:45)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ  
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Khatib memperingatkan diri ini dan sidang jemaah yang dimuliakan sekalian, marilah kita bersama-sama bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, agar kita dapat melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala tegahan-Nya. Marilah bersama-sama kita berpegang kepada tali Allah SWT yakni dengan menjaga hubungan kita sebagai hamba-Nya dan juga hubungan sesama insan, agar penyatuan ummah dapat direalisasikan bermula di dalam rumah Allah SWT yang penuh barakah ini. Nikmat Islam yang dikecapi dan hamparan luas keamanan yang kita nikmati selama ini, seharusnya kita syukuri dengan meningkatkan amal ibadah bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita dengan Maha Pencipta lagi Maha Berkuasa serta menjalin eratkan hubungan kita sesama manusia. Semoga, hidup kita sentiasa dicucuri rahmat serta kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT di dalam surah Ali 'Imran petikan ayat 103:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

**Maksudnya :** *“Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali Allah, dan janganlah berpecah belah”.*

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“KEAMANAN NEGARA DIPELIHARA BERSAMA”.**

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Mutakhir ini, kita sering dipaparkan mengenai berita-berita yang menggemparkan negara dan khususnya kepada umat Islam di Malaysia. Terdapat pelbagai masalah dan provokasi yang dicipta pihak-pihak tertentu bagi memberi ancaman yang buruk kepada kita. Tidak kurang juga yang berani mencabar kedaulatan negara dan keamanan yang telah lama kita kecapai dan nikmati ini. Berdasarkan itu, tekanan serta penghinaan yang ditujukan kepada sebahagian umat manusia menuntut kita agar menguasai segala bentuk kekuatan, baik dari sudut tentera, polis mahupun badan berkuasa yang lain.

Sebagai sebuah negara yang berdaulat, perlu diperlengkapkan dengan plan strategi serta program jangka panjang untuk menanam rasa tanggungjawab dan kecintaan dalam membela kemuliaan maruah diri, bangsa dan negara. Alhamdulillah, bermula tahun 1807 hingga hari ini, kita mempunyai pasukan polis yang berkemampuan menjaga keselamatan agama, rakyat, dan negara daripada segala ancaman dan pencerobohan musuh yang boleh menggugat keamanan dan kedaulatan negara. Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 112 :

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ

اللَّهِ فَأَذَقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿١١٢﴾

**Yang Bermaksud :** “Dan Allah telah membuat perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman damai dan tenteram, yang didatangi rezeki-Nya yang mewah dari setiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, kerana itu Allah menimpakan mereka dengan bencana kelaparan dan ketakutan meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang telah mereka lakukan.”

### **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Pada zaman Kerajaan Umayyiah dan Kerajaan ‘Abbasiah, wujud jawatan ketua polis, iaitu *Sahib al-Shurtah*. Di Andalusia pula, ia digelar *Sahib-al-Madinah* dan dengan pasukan polisnya *Shurtah al-Kubra* dan *Shurtah al-Sughra*. Manakala pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Temenggung menjalankan tugas-tugas sebagai ketua polis dengan dibantu oleh para hulubalang. Sebagai umat Islam, kita seharusnya berbangga kerana mengetahui bahawa institusi keselamatan dan keamanan itu telah wujud sejak zaman *Khulafa’ ar-Rashidin* lagi. Saidina Umar al-Khattab umpamanya telah menjalankan penyusunan semasa pentadbiran beliau, dan antara perkara yang dilakukannya adalah mewujudkan sebuah pasukan bagi menjaga keamanan orang awam. Saidina Umar sendiri turut menjalankan tugas tersebut dengan mengadakan rondaan pada waktu malam untuk melihat keadaan rakyatnya dan menjaga keselamatan serta kebajikan mereka.

Justeru, mimbar yang mulia ini ingin menegaskan bahawa tugas dan tanggungjawab mempertahankan agama dan negara amat besar

ganjarannya di sisi Allah SWT. Firman Allah SWT di dalam surah an-Nisa' ayat 95:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولِي الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ

وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحَسَنَاتِ

وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

**Maksudnya :** “Tidaklah sama (keadaannya) orang-orang yang duduk (tidak turut serta berperang) dalam kalangan orang yang beriman selain orang-orang yang ada keuzuran dan orang-orang yang berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam) dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka atas orang-orang yang tinggal (yang tidak pergi berperang kerana uzur) dengan satu darjah kelebihan. Dan setiap daripada dua golongan itu Allah menjanjikan balasan yang baik (syurga), dan Allah melebihkan orang-orang yang berjuang daripada orang-orang yang tinggal (tidak turut berperang dan tidak ada sesuatu keuzuran) dengan pahala yang amat besar.”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Kekuatan dalam menjaga negara bukan hanya terletak kepada ramainya anggota keselamatan atau kecanggihan peralatan semata-mata. Yang

lebih penting adalah mempunyai sifat keimanan, keikhlasan, jati diri, semangat juang, kekuatan mental, jiwa dan rohani. Jika semua ini dimiliki, In sya Allah, negara akan melahirkan anggota keselamatan yang berkualiti dan berdisplin serta bertanggungjawab.

Pahatan sejarah Islam membuktikan kekuatan tentera Islam adalah berpunca daripada kekuatan iman dan ikhlas berjuang kerana Allah SWT serta keta'atan kepada kepimpinan. Dengan itu, mereka mampu bertahan dalam apa juga keadaan, tidak mudah mengaku kalah walaupun ditawarkan pelbagai habuan sebagai balasan mempertaruhkan tanah air kepada kuasa luar. Justeru, sifat ta'at dan patuh dapat membentuk seseorang itu bertanggungjawab dan rela berkorban. Hal ini amat penting kerana tanpanya ia boleh merosakan imej anggota keselamatan dan melemahkan sistem pertahanan negara.

Perkara ini bertepatan dengan kisah-kisah pada zaman nabi dan sahabat terdahulu yang mana sifat ta'at setia dan berintergriti sangat diutamakan bagi menjamin keselamatan dan keamanan sesebuah negara. Dan jika keamanan sudah hilang serta berlakunya persengketaan maka janganlah kita bertanya tentang fitnah dan kerosakan tersebut kerana keamanan dan keimanan adalah seiring dan saling menguatkan. Nabi Muhammad SAW serta para sahabatnya yang mulia berhijrah dari Mekah ke Madinah tidak lain tidak bukan kecuali untuk mendapatkan keamanan dan kesejahteraan. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 82 :

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَٰئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ ﴿٨٢﴾

**Yang Bermaksud :** “Orang-orang yang beriman dan tidak mencampurkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan hidayah pertunjuk.”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Bersempena sambutan hari ulangtahun Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke-208 yang disambut setiap tahun pada 25 Mac, mimbar ingin menyeru sidang Jumaat sekalian supaya memperjuangkan keamanan dengan mengikut saranan Rasulullah SAW agar tidak berdiam diri apabila kemungkaran berlaku. Sesuatu perlu dilakukan untuk mencegah kemungkaran tersebut daripada terus merebak dan mengganggu ketenteraman kita, keluarga dan masyarakat. Dengan kuasa yang diberikan oleh undang-undang negara melalui Akta Polis 1967, pastinya masyarakat melalui pasukan polis yang bertugas sepanjang masa akan dapat mencegah dan menghentikan kemungkaran dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermaksud kita hanya menyerahkan tugas tersebut secara bulat-bulat kepada pasukan keselamatan semata-mata. Tanggungjawab mencegah kemungkaran masih terletak di bahu masyarakat dengan kerjasama dan bantuan yang bersatupadu perlu digembeling agar setiap aspek keselamatan negara terpelihara dan terjaga. Menta’ati perintah pihak berkuasa amat perlu dalam memastikan setiap tindakan kita mencegah kemungkaran adalah berdasarkan peraturan dan tidak mengikut hawa nafsu amarah semata-mata.

Daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya :

**"Sesiapa yang keluar daripada keta'atan (kepada penguasa) dan memisahkan diri daripada jemaah (kaum muslimin), lalu dia mati dalam keadaan seperti itu maka matinya itu adalah mati dalam keadaan jahiliyyah".** (HR. Muslim).

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Kesimpulannya di sini, tanggungjawab menjaga keamanan negara tidak terletak kepada pihak berkuasa sahaja tetapi lebih khusus kepada masyarakat sesebuah negara itu sendiri. Masa depan sesebuah negara akan ditentukan oleh pemimpin dan rakyatnya sendiri. Jika berjaya kepimpinan mereka, maka eloklah dan cantiklah pentabdiran sesebuah negara itu pada masa hadapan.

Dalam surah an-Nisa' ayat 59 Allah SWT berfirman :

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اطِيعُوْا اللّٰهَ وَاَطِيعُوْا الرَّسُوْلَ وَاُوْلِيَّ الْاَمْرِ مِنْكُمْ ۗ فَاِنْ تَنَزَعْتُمْ فِيْ شَيْءٍ فَرُدُّوْهُ اِلَى

اللّٰهِ وَالرَّسُوْلِ اِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ۗ ذٰلِكَ خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا ﴿٥٩﴾

**Yang Bermaksud :** *"Wahai orang-orang yang beriman! Ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada 'ulil amri' (orang-orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu. Kemudian jika*



*kamu berselisihan dalam sesuatu perkara, hendaklah kamu kembali kepada kitab Allah dan sunnah Rasulullah, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian ini lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya.”*

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.